

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : **JAWAB LISAN**
DARIPADA : **DATO' DR. SHAMSUL ANUAR BIN HAJI**
NASARAH [LENGGONG]
TARIKH : **13 MAC 2019 (RABU)**

SOALAN NO. 21

Dato' Dr. Shamsul Anuar Bin Haji Nasarah [Lenggong] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah aspek-aspek yang diambil kira oleh pihak Kementerian di dalam merangka Akta Kesamarataan Jantina dan adakah akta ini akan turut mengiktiraf kewujudan lesbian, gay, biseksual dan transgender (LGBT).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Perkara 8, Perlembagaan Persekutuan telah menyatakan bahawa semua orang adalah sama rata di sisi undang-undang dan berhak mendapat perlindungan yang sama rata di sisi undang-undang serta tiada diskriminasi atas alasan agama, ras, keturunan, tempat lahir atau jantina. Selaras dengan peruntukan tersebut, Kementerian sedang berusaha untuk mewujudkan suatu akta untuk menghapuskan sebarang unsur diskriminasi terutamanya terhadap wanita bagi tujuan menjamin kesaksamaan gender.

Sehubungan dengan itu, untuk memastikan setiap pandangan pihak berkepentingan diambil kira, Kementerian telah dan akan meneruskan sesi libat urus secara aktif. Sehingga kini, Kementerian telahpun mengadakan sesi perbincangan dengan pihak berkepentingan yang terdiri daripada agensi kerajaan seperti Jabatan Peguam Negara dan JAKIM, ahli akademik dan juga badan bukan kerajaan. Hasil daripada sesi-sesi perbincangan yang telah diadakan ini, pihak berkepentingan bersetuju bahawa wujudnya keperluan untuk mewujudkan kerangka perundangan berkaitan kesaksamaan gender di Malaysia.

Bagi tujuan mewujudkan Akta Kesaksamaan Gender, Kementerian turut telah menubuhkan satu *Special Project Team* Rang Undang-Undang Kesaksamaan Gender (SPT RUU GE) yang terdiri daripada pelbagai pihak sebagai usaha memastikan rang undang-undang tersebut diwujudkan mengambil kira aspek agama, sosial dan kaum memandangkan Malaysia merupakan sebuah negara yang berbilang kaum dan agama.

Di samping itu juga, pewujudan akta ini seiring dengan komitmen Kerajaan Malaysia yang telahpun meratifikasi Konvensyen Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita (CEDAW) sejak tahun 1995. Untuk memastikan CEDAW mempunyai implikasi perundangan (legal effects), satu undang-undang perlu diwujudkan. Namun demikian, Kementerian dalam menjalankan usaha mewujudkan akta ini, tidak akan

SOALAN NO. 21

membelakangkan dasar, polisi dan perundangan sedia ada di Malaysia termasuklah Perkara 3(1), Perlembagaan Persekutuan iaitu Islam ialah agama bagi Persekutuan.